

**BINA PURI HOLDINGS BHD**

No. 88, Wisma Bina Puri,  
Jalan Bukit Idaman 8/1,  
Selayang 68100,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel. : +603 6136 3333  
Fax : +603 6136 9999  
[www.binapuri.com.my](http://www.binapuri.com.my)

7 Oktober 2020

**KENYATAAN MEDIA****UNTUK SIARAN SEGERA****Bina Puri Menang Bidaan Pembinaan Landasan Keretapi Berkelajuan Tinggi  
(HSR) di Thailand bernilai RM1.036 Billion**

**KUALA LUMPUR, 7 Oktober 2020**—Bina Puri Holdings Bhd (“Bina Puri” atau “syarikat”) melalui anak syarikat milik sepenuhnya, Bina Puri Sdn Bhd (“BPSB”) telah memenangi bidaan berjumlah **THB7,750,000,000.00 (bersamaan dengan RM1.036 bilion)** bagi projek membina Landasan Keretapi Berkelajuan Tinggi “HSR” bagi menghubungkan Bangkok ke Nong Khai (Fasa 1 –bagi landasan Bangkok ke Nakhon Ratchasima) iaitu kontrak bernombor 3-5 kerja-kerja civil Bahagian Khok Kruat ke Nakhon Ratchasima.

Dalam satu kenyataan ke Bursa Malaysia, BPSB bersama NPA Construction Co. Ltd. dan Tim Sekata Sdn Bhd telah memeterai perjanjian usahasama “*SPTK Joint Venture Company Limited*” (SPTK JV Co. Ltd) bagi melaksanakan pembinaan projek tersebut.

“*State Railway of Thailand*” telah mengumumkan bahawa syarikat usahasama SPTK JV Co. Ltd merupakan syarikat yang telah berjaya memenangi bidaan projek tersebut. Projek ini merupakan hasil usahasama antara Kerajaan Thailand dan Kerajaan Republik Rakyat China.

**Pengarah Eksekutif Kumpulan Bina Puri Datuk Matthew Tee** berkata: “Sektor pembinaan terkesan dengan situasi masakini, ditambah lagi dengan perubahan senerio politik serta ancaman Covid-19 yang sedang melanda, ia benar-benar memberi impak yang besar bagi sektor pembinaan terutamanya di Malaysia, namun tidak menjejaskan semangat kami untuk terus komited bagi membida projek-projek baru samada dalam negara mahupun di luar negara. Kami

terus mencuba sebaiknya bagi membida projek-projek baru untuk Kumpulan Bina Puri bagi memastikan pengaliran masuk pendapatan.

“Oleh yang demikian kami amat sukacita mengumumkan bahawa selepas kerja keras yang berbulan-bulan lamanya termasuklah proses membida serta rundingan, akhirnya telah membuahkan hasil. Kami telah berjaya mendapatkan projek di luar negara bagi membina landasan keretapi di negara jiran iaitu Thailand”.

Jajaran pembinaan adalah sepanjang 13.68km termasuklah pembinaan landasan sejauh 12.38km, ia juga bakal menempatkan 2 buah stesen keretapi iaitu Stesen Phu Kao Lat yang merupakan stesen baru yang bakal dibina serta stesen Nakorn Ratchasima yang bakal di naiktaraf.

Kerja-kerja lain termasuklah kerja-kerja tanah, tembok penahan, tembok halangan kalis bunyi, pembinaan bangunan servis dan stesen yang mana ia juga meliputi kerja elektrik, mekanikal, jalanraya, kerja paip dan saluran serta utiliti lain.

Beliau berkata, Bina Puri mula melibatkan diri ke negara Thailand sejak 2003 lagi apabila berpeluang menyiapkan jalan susur masuk bagi pembinaan Lapangan Terbang Suvarnabhumi yang baharu dengan nilai kontrak sebanyak RM180 juta.

Bermula dengan kejayaan pembinaan susur masuk tersebut, syarikat Bina Puri terus mendapat kepercayaan untuk kerja pembina lain seperti membina beberapa buah gudang bagi syarikat-syarikat di Thailand, kerja-kerja pengubahsuaian serta menaiktaraf bangunan Kedutaan Malaysia di Bangkok, Thailand.

Pada tahun 2006 dan seterusnya, anak syarikat kumpulan Bina Puri, Bina Puri (Thailand) Ltd., yang telah menjalinankan usahasama dengan syarikat tempatan iaitu Deva Property Public Co. Ltd telah dianugerahkan 8 buah pakej pembinaan rumah-rumah pangsapuri mampu milik berserta rumah berkembar dua tingkat berjumlah 40,000 unit yang dikenali sebagai “Baan Eua-Arthon Housing Projects” oleh Lembaga Perumahan Thailand “National Housing Authority of Thailand (NHA)” dengan nilai berjumlah RM 1.8 billion.

Kawasan perumahan mampu milik ini terletak di pelbagai daerah seperti di Bangplee, Romkloa, Bang Pu, Krasaebon, Rama II, Tha Jean, Na Dee, Nong Joak, Asoke-Rachada, daerah Suang Lung District dan Hatai Rai, Bangkok, Thailand.

Pembinaan tersebut telah disiapkan dengan menggunakan teknik dan sistem “Half Tunnel Form System” yang lebih pantas serta kos efektif.

“Selain daripada pembinaan rumah pangsapuri mampu milik, Bina Puri turut berjaya menyiapkan pembinaan pelbagai condominium mewah bagi syarikat hartanah yang terkenal di Thailand seperti S&S Sukhumvit Co. Ltd and Areeya Property Public Co. Ltd, dengan jumlah melebihi 3,500 unit yang telah disiapkan dengan sempurna.” tambah beliau.

Bina Puri turut menyiapkan sebuah gudang dan bangunan pejabat 3 tingkat termasuklah kerja kerja infrastruktur di “Rojana Industrial Park, Ayutthaya”, menyiapkan pembinaan condominium mewah iaitu “Condominium A-Space” yang berjumlah 2,000 unit di On Nut, daerah Suang Lung serta Asoke, Ratchada, Bangkok, Thailand dan banyak lagi.

Sejumlah **26 buah projek** yang berjumlah hampr **RM2.0 bilion** telah disiapkan oleh Bina Puri sejak tahun 2003 lagi di negara Thailand.

“Dengan anugerah kontrak terbaru ini, jumlah projek pembinaan bagi Kumpulan telah meningkat ke RM1.9 bilion. Ia bakal menyumbang secara positif kepada aset bersih dan pendapatan Kumpulan.

Kumpulan Bina Puri terus menerus aktif dalam aktiviti pembidaan sama ada bagi projek dalam negeri mahupun diluar negara, dan akan membuat pengumuman dari masa ke semasa” tambah beliau lagi.

\*\*\*

---

## **Tentang Bina Puri**

Bina Puri Holdings Bhd merupakan syarikat senaraian awam di Papan Utama Bursa Malaysia dengan lebih 45 tahun pengalaman dalam bidang pembinaan bangunan dan sivil di dalam mahupun di luar negeri. Kumpulan Bina Puri mempunyai kepelbagaian aktiviti perniagaan meliputi pegangan pelaburan, pembinaan bangunan dan sivil, pembangunan hartanah, konsesi lebuh raya, operasi kuari, pembuatan barangan binaan, makmal sistem polyurethane, utiliti dan hospitaliti.

Bina Puri telah Berjaya menyaipkan projek pelbagai skala meliputi jalan, lebuh raya, jambatan dan sambungan susur, kerja-kerja air, kerja-kerja penebusan tanah, bangunan kediaman dan komersial, lapangan terbang dan kompleks kerajaan. Kumpulan Bina Puri juga terlibat di peringkat antarabangsa seperti di Cambodia, China, Brunei Darussalam, U.A.E, Arab Saudi, Pakistan, India, Indonesia and Thailand.

Di antara potfolio aktiviti Bina Puri termasuklah pembinaan dan pemegang konsesi Lebuh raya KL- Kuala Selangor (LATAR) sepanjang 33km, Pusat Beli Belah, The Main Place Residence and Mall di USJ 21, dan stesen janakuasa tenaga di Indonesia.

### **Bina Puri Holdings Bhd**

Contact : Surati Sujor  
Email : [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)  
Tel. : 03-6136 3333/013 2660207  
Fax : 03-6136 9999

-End-